

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : BUKAN LISAN  
**DARIPADA** : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]

**SOALAN NO. 218**

Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar mengikut lingkungan umur 13 hingga 17 yang tidak meneruskan pelajaran mereka atau yang “drop-out” dari sekolah daripada 2008 sehingga 2019 dan apakah usaha-usaha Kementerian untuk mengurangkan dan sekaligus memastikan semua kanak-kanak terus akan berada di sekolah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah keseluruhan murid berumur 13 hingga 17 tahun yang tidak mendaftar di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah seramai 18,421 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,077 adalah murid Tingkatan Satu, 2,690 murid Tingkatan Dua, 10,002 murid Tingkatan Tiga, dan 2,651 murid Tingkatan Empat.

Data bilangan murid yang tidak mendaftar mengikut negeri adalah seperti data Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) pada 31 Januari 2019 seperti yang berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Tingkatan 1</b>	<b>Tingkatan 2</b>	<b>Tingkatan 3</b>	<b>Tingkatan 4</b>	<b>Jumlah Murid</b>
Johor	365	319	1036	292	2012
Kedah	246	156	972	192	1566
Kelantan	215	219	972	275	1681
Melaka	68	62	196	45	371
Negeri Sembilan	92	73	531	79	775
Pahang	148	142	495	125	910
Perak	275	248	963	179	1665
Perlis	26	25	114	27	192
Pulau Pinang	115	92	382	88	677
Sabah	412	417	931	406	2166
Sarawak	270	329	960	391	1950
Selangor	548	400	1595	356	2899
Terengganu	134	92	400	86	712
WP Kuala Lumpur	128	99	386	97	710
WP Labuan	18	10	22	8	58
WP Putrajaya	17	7	47	5	76
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,077</b>	<b>2,690</b>	<b>10,002</b>	<b>2,651</b>	<b>18,421</b>

KPM memberi perhatian kepada kebajikan murid yang tercicir dari sistem persekolahan. Pelbagai pendekatan telah diambil oleh KPM dalam usaha mencegah keciciran secara berterusan dalam kalangan murid, iaitu:

1. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 4 Tahun 2018 bertarikh 31 Mei 2018 berkaitan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) di sekolah. Garis panduan ini telah diedarkan ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan bertujuan membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. Selain

itu, ia juga merupakan panduan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah dalam memastikan pemantauan secara berterusan dapat dilaksanakan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat Tingkatan 5;

2. bermula Julai 2018, KPM menyediakan Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan program intervensi bagi menangani keciciran murid;
3. Pelancaran Program Ziarah Cakna yang dilancarkan pada 28 Januari 2018 bertujuan memperluas konsep sekolah penyayang bagi memperkukuhkan hubungan antara sekolah dengan ibu bapa/penjaga melalui amalan ziarah guru ke rumah murid untuk bertemu dengan ibu bapa/penjaga. Melalui usaha ini, pihak sekolah dapat mengenali latar belakang murid dan punca sebenar masalah keciciran supaya masalah ini dapat diatasi secara kolektif antara ibu bapa dan pihak sekolah;
4. kerjasama dengan pelbagai pihak, agensi dan komuniti setempat seperti penghulu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta agensi swasta berkaitan dilaksanakan bagi membantu murid dan keluarga terlibat dalam membantu murid bagi meneruskan pengajian di sekolah menengah; dan
5. bagi tahun 2019, KPM dalam perancangan membina Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir 2.0 sebagai panduan yang melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat bagi memberi panduan bagi meningkatkan kerjasama sekolah bersama-sama ibu bapa dalam menangani murid berisiko cicir.